

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]  
**TARIKH :** 10.6.2014  
**NO. SOALAN :**

Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengapa universiti terkemuka di dunia seperti Oxford University, U.K dan Peiking Universiti, China boleh mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) dari Malaysia, tetapi IPTA di Malaysia tidak dapat mengiktiraf UEC.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima pelbagai kelayakan masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang merangkumi kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Asasi IPTA, Diploma IPTA/Politeknik/ILKA/IPTS, GCE A-Level, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) dan kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan serta diperakui oleh Senat Universiti.

Berkaitan isu Unified Examination Certificate (UEC), pelajar lepasan UEC yang mencapai tahap *Senior Middle Three* serta mempunyai kelayakan pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** layak mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Calon-calon akan dipertimbangkan dengan mengguna pakai prinsip meritokrasi, iaitu dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kurikulum. Penawaran tempat kepada calon boleh dipertimbangkan tertakluk kepada pematuhan syarat am universiti, syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan, mendapat perakuan dari Senat Universiti yang berkaitan serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Rjm18